

# Projek Usahasama Antara UMS dan KRIBB Dimeterai



Keperluan dalam menjalinkan projek penyelidikan bersama dengan pihak luar negara dalam pelbagai bidang kajian sains dan teknologi merupakan satu usaha yang sentiasa dititikberatkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) selaras dengan usahanya untuk menjadi sebuah universiti berinovatif di rantau ini.

Atas usaha ini, UMS telah menandatangani Memorandum Perjanjian dengan pihak Korea Research Institute of Bioscience and Biotechnology (KRIBB) yang telah diadakan di Galeri UMS pada 18 Januari 2005 baru-baru ini. Majlis tersebut telah disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, YB Datuk Hj. Abdul Rahim Ismail.

Memorandum Perjanjian yang ditandatangani ini meliputi kerjasama dalam menjalankan penyelidikan berkaitan dengan projek "Palm Kernel Cake (PKC)". Kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam menyumbangkan kepakaran masing-masing dalam menghasilkan PKC yang berkualiti untuk dikomersilkan sebagai pengganti kepada bahan makanan ternakan.



**BERTUKAR DOKUMEN...** Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan Othman (dua kiri) bertukar dokumen dengan Yang Kyu-Hwan (Kanan) yang disaksikan oleh YB Datuk Hj. Abdul Rahim Ismail (dua kanan) pada majlis tersebut.

UMS telah diwakili oleh Naib Canselor pertamanya, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman dan Timbalan Pendaftar (Akademik), Abdullah

Hj Mohd Said. Manakala, KRIBB pula diwakili oleh Presidennya, Yang Kyu-Hwan dan Pengurus Projek PKC, Dr. Chul Ho Kim.